

# Masa depan Melayu: Semangat perjuangan asli perlu wujud

**SUNGAI PETANI, Sabtu** — Nasib masa depan orang Melayu di negara ini tidak boleh dibela dengan asas kebendaan semata-

mata tanpa menghidupkan kembali semangat perjuangan asli yang pernah wujud di kalangan mereka sejak zaman sebelum mer-

deka, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia berkata: "Semangat perjuangan tinggi tanpa meminta bantuan dari mana-mana pihak seperti yang ditunjukkan oleh bapa-bapa kita yang memperjuangkan kemerdekaan dulu perlu dihidupkan kembali."

"Dengan semangat tinggi tanpa mengharapkan bantuan, barulah kegigihan serta ketinggian maruah bangsa akan berganjak naik ke tahap yang sepatutnya," tambahnya.

Beliau menambah, dalam suasana kemewahan janganlah dibunuh semangat untuk berusaha sendiri membina kehidupan dengan lebih tekun dan jujur.

## Haluan

Encik Anwar berkata demikian di perasmian mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuala Muda di Dewan Sekolah Menengah Khir Johari di sini.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Kuala Muda, Encik Daim Zainuddin, Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Encik Hashim Othman yang juga Adun Merbok.

Menurut Encik Anwar, haluan yang dibawa oleh pucuk pimpinan di bawah Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang adalah haluan yang tepat.

Katanya: "Kita perlu berpatah kembali kepada unsur semangat gigh ibu-bapa kita yang pernah menuntut kemerdekaan dari British."

Tetapi, tegasnya, di samping semangat itu kita juga perlu melihat dan meninjau pembaharuan-pembaharuan yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat.

Encik Anwar menyebut apa yang dititikberatkan sekarang ialah mutu dalam segenap amalan serta pekerjaan setiap orang.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia